

# Buletin

Jamadil Awal 1446H/November 2024

ACIS



## Kesejahteraan dan Kebajikan Ummah

<https://nsemilan.uitm.edu.my/seremban/index.php/anjung/pusat-akademik/akademi-pengajian-islam-kontemporari>

eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi

### Sidang Pengarang:

Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh  
Siti Aishah binti Sokhibul Fadil & Dr Mohd Asyran  
Safwan bin Kamaruzaman  
Nur Syahirah Mohd Noh, Nuruul Hidayah Mansor,  
Muhammad Noor Hussin & Athira Ayuni Asmadi  
Dr Husnul Rita binti Aris  
Hisam bin Satari  
Amirah Hassan @ Asan, Suhaila Sharil & Nur Faathinah  
Mohammad Roshdan

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

### Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi ketepatan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan. Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri Sembilan untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau kreatif?

Hantarkan ke  
[buletinacisnsdk@gmail.com](mailto:buletinacisnsdk@gmail.com)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-71** pada bulan November 2024 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini bertemakan "**Kesejahteraan dan Kebajikan Ummah**". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## Isi Kandungan

Persaudaraan Islam Menjamin Keamanan Hidup Bermasyarakat **3**

Pengukuhan Fahaman Akidah Ahl Al-Sunnah Wal Jama'ah Melalui Kolaborasi Pengajaran **5**

Insflasi: Baik atau Buruk? **6**

Bersyukur atas Kurniaan Nikmat Allah SWT di Dunia ini **8**

Pelajar Tahfiz: Isu dan Cadangan **9**

Pembentukan Fitrah Anak-anak Menjadi Manusia sebagai Khalifah Bermula dengan Iman **11**

Penerima Anugerah Apresiasi Rektor **12**

Delegasi Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Indonesia mengunjungi UiTM Cawangan Negeri Sembilan **14**

eISSN 2600-8289



## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

# Persaudaraan Islam Menjamin Keamanan Hidup Bermasyarakat



Oleh:

**Dr. Mohd Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Al-Quran sebagai rujukan utama Tamadun Islam sarat dengan pelbagai mesej menyeru ke arah perpaduan dan kesatuan ummah. Melalui wahyuNya, Allah S.W.T berfirman yang bermaksud “*Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai berai, dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara*” (Surah Ali Imran: 103).

Berdasarkan ayat ini, Allah S.W.T menyeru umat manusia supaya bersatu padu dan kesannya dapat apabila terbentuknya sebuah umat yang menjunjung dasar persahabatan dan persaudaraan. Pengajaran dalam setiap ajaran Islamlah yang menjadi dasar kepada pembentukan umat yang bersaudara dan bersatu walau dari pelbagai rumpun bahasa dan kebudayaan, kepercayaan dan adat, warna kulit atau sempadan negara.

Justeru apabila umat Islam diikat dengan satu syahada dan kesatuan akidah, maka inilah pengiktirafan yang diakui sendiri Pencipta makhluk itu sendiri iaitu Allah S.W.T. melalui firmanNya yang bermaksud “*Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara*” (Surah al-Hujurat: 10).

Al-Quran juga menunjukkan kesan buruk persengketaan agar menjadi pengajaran yang tidak wajar diulangi samada melalui bentuk penceritaan atau pernyataan umum. Dalam sambungan ayat 103 Surah Ali Imran, Allah S.W.T berfirman maksudnya “*Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai berai dan berselisih (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah). Dan mereka yang bersifat sedemikian, akan beroleh azab seksa yang besar*” (Surah Ali Imran: 105).

Dalam ayat yang lain la turut memberi amaran kesan bahaya persengketaan melalui FirmanNya juga yang bermaksud “*Dan taatlah kamu kepada Allah dan rasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantah, kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati), sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar*” (Surah al-Anfal: 46).

Golongan yang berpuak-puak dan sering bersengketa diisyaratkan oleh Allah S.W.T sebagai mencontohi perbuatan golongan musyrik. Ini disebut dalam al-Quran seperti maksud firmanNya “*Hendaklah kamu (wahai Muhammad*

*dan pengikut-pengikutmu) sentiasa rujuk kembali kepada Allah (dengan mengerjakan amal-amal bakti) serta bertakwalah kamu kepadaNya, dan kerjakanlah sembahyang dengan betul sempurna, dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik. Iaitu orang-orang yang menjadikan fahaman agama mereka, mereka berselisih mengikut kecenderungan masing-masing serta mereka pula menjadi berpuak-puak, tiap-tiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya (dari fahaman dan amalan yang terpesong itu)*” (Surah al-Rum: 31-32).

Seperti yang ditegaskan di awal perbincangan, sesungguhnya kesatuan, kesepakatan dan perpaduan adalah faktor kepada pembentukan umat terbaik. Pengiktirafan Allah S.W.T bahawa umat Islam adalah umat terbaik dijelaskan melalui firmanNya dalam al-Quran yang bermaksud “*Kamu (wahai umat Muhammad), adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyeru berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji), serta kamu beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)*” (Surah Ali Imran ayat 110).

Menurut ayat ini, pengiktirafan umat Islam sebagai umat terbaik mestilah memenuhi tiga syarat iaitu umat ini mestilah menjalankan tugas menyeru kepada kebaikan, mencegah perlakuan mungkar dan beriman kepada Allah dengan iman yang sahih, benar dan sempurna. Syeikh Wahbah al-Zuhayli dalam tafsirnya menyebut, apabila tiga syarat ini tidak lagi dipenuhi, maka pujian Allah kepada umat Islam sebagai umat terbaik akan hilang dan akan menjadi punca kepada kejatuhan umat Islam secara keseluruhannya. Ciri ini menyamai sifat yang dimiliki oleh sebahagian ahli kitab kerana mereka adalah golongan yang tidak mencegah kemungkar yang berlaku di sekeliling mereka, beriman dengan sebahagian isi al-Quran serta kitab terdahulu. Bahkan mereka secara jelas menerima kerasulan sebahagian nabi seperti Nabi Musa dan Nabi Isa tetapi menolak kerasulan Nabi Muhammad S.A.W.

Dalam ayat lain, Allah S.W.T turut memberi pengiktirafan bahawa umat Islam adalah umat pilihan dan sifat ini turut menepati ciri-ciri umat terbaik seperti pernyataan dalam ayat yang disebut di atas. Maksud firmanNya “*Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah), dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu*” (Surah al-Baqarah: 143).

Merujuk kepada fakta sejarah, punca kepada pergeseran yang membawa kepada perpecahan sesama umat Islam berpunca daripada perbalahan pendapat yang akhirnya

menjadikan umat Islam terpecah kepada pelbagai fahaman politik, fanatik mazhab dan keceluaran pemikiran. Bahkan ketika hayat Nabi S.A.W. masih ada dan para sahabat sentiasa berada di sekelilingnya, baginda telah memperingatkan umat Islam tentang bahaya perpecahan dan perbalahan. Di dalam peristiwa Haji Perpisahan tahun ke-9 Hijrah, ketika baginda S.A.W menyampaikan khutbahnya kepada para sahabat yang ikut serta dalam perhimpunan tahunan tersebut baginda bersabda yang bermaksud *"Janganlah setelah kematianku kamu kembali kepada kekufturan, saling bertelagah dan berbunuh-bunuhan sesama kamu, sesungguhnya aku telah tinggalkan kamu sesuatu yang mana jika kamu berpegang teguh dengannya nescaya kamu tidak akan sesat selamanya iaitu Al-Quran dan Sunnah nabiNya"*.

Selepas kewafatan Baginda S.A.W., ruang berlakunya perselisihan semakin melebar. Sewaktu berlakunya peperangan di antara tentera-tentera Saidina Ali dengan tentera-tentera Muawiyah, keadaan umat Islam sudah berpecah tetapi masih dalam peringkat yang boleh diselamatkan. Saidina Ali sebagai khalifah yang haq telah memerangi tentera-tentera Muawiyah yang memberontak. Apabila kemenangan jelas kepada tentera-tentera Saidina Ali, Muawiyah yang berasa tenteranya hampir akan kalah, telah melakukan helah dengan mengangkat al-Quran di hujung tombaknya dan menyeru kepada perpaduan.

Saidina Ali yang menyedari helah Muawiyah meminta tenteranya meneruskan peperangan tetapi sebilangan tentera Ali mula keliru dan mendesak Saidina Ali menghentikan peperangan walaupun ada juga yang menyokong tindakan Saidina Ali. Saidina Ali tidak mampu lagi menahan desakan tentera-tenteranya yang seperti akan membentuk perpecahan yang lebih besar, terpaksa mengarahkan tenteranya menghentikan peperangan. Lantaran itu satu pertemuan untuk merangka perdamaian telah dilangsungkan. Tentera Muawiyah telah diwakili oleh Amru Al-As, seorang anak muda yang pintar dan Ali telah diwakili oleh Abu Musa al-Asyra, seorang yang alim, jujur tetapi agak berumur.

Apabila pertemuan dilangsungkan, mereka membincangkan tentang formula untuk perpaduan. Amru telah mencadangkan supaya kedua-dua pihak mengumumkan dahulu perletakan jawatan khalifah supaya dapat dipilih semula seorang khalifah yang baru yang boleh diterima oleh semua umat Islam sama ada penyokong Saidina Ali ataupun Muawiyah. Abu Musa al-Asyra bersetuju dan meminta Amru mengumumkan perletakan jawatan Muawiyah. Amru telah mengatakan bahawa dia menghormati Abu Musa yang lebih tua dan lebih elok sekiranya Abu Musalah yang mengumumkan dahulu perletakan jawatan Saidina Ali.

Sebagai seorang tua yang cintakan perdamaian dan tidak mempunyai buruk sangka sesama Islam, Abu Musa dengan secara rasmi telah mengumumkan perletakan jawatan Saidina Ali sebagai khalifah. Sebaik sahaja Abu Musa mengumumkan perletakan jawatan Ali, Amru pun mengisyiharkan bahawa segala perpecahan telah dapat diselesaikan memandangkan Ali telah meletakkan jawatannya dan tidak wujud lagi masalah dua orang khalifah yang bertentangan. Amru dengan rasmi telah mengumumkan bahawa Muawiyah bin Abu Sufyan adalah khalifah yang sah. Begitulah bagaimana permulaan perpecahan yang amat dahsyat di kalangan umat Islam bermula apabila pihak yang tidak berpuas hati dengan perlantikan Muawiyah telah menyalahkan Saidina Ali dan menghalalkan darah kedua-dua Ali dan Muawiyah dan membentuk kumpulan Khawarij.

Sementara penyokong-penyokong Muawiyah bergembira dengan kemenangan dan kebijaksanaan pemimpin mereka, penyokong-penyokong Saidina Ali yang setia telah melahirkan golongan Syiah yang mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Muawiyah yang telah merampas haq Allah iaitu jawatan khalifah yang disandang oleh Saidina Ali.

Akhirnya perbalahan siasah makin merebak dan menjadikan umat Islam sehingga kini berpuak-puak dan sering berbalah sesama sendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa berbeza pendapat dalam sesuatu perkara adalah suatu yang tidak dapat dielakkan, tetapi janganlah sampai ke tahap permusuhan yang akhirnya merugikan umat Islam itu sendiri.

Jalan keluar kepada permasalahan ini telah dijelaskan lebih awal oleh Baginda S.A.W. yang menyarankan kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah. Setiap lapisan masyarakat perlu mempunyai agenda penyatuan dan perpaduan umat ini lebih-lebih lagi mereka yang diberi tanggungjawab memikul amanah kepimpinan. Pihak kerajaan perlu merangka strategi secara holistik dan diturunkan kepada agensi kerajaan yang lain di peringkat kementerian mahupun di peringkat negeri. Pertubuhan bukan kerajaan atas kapasiti yang ada juga perlu menjadikan nilai perpaduan dan penyatuan ummah itu sebagai keutamaan. Begitu juga pengurusan di peringkat pusat pengajian tinggi dan sekolah perlu sama-sama menggembung tenaga berganding bahu bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu ini.

Semoga pelbagai program yang dijalankan dapat merapatkan jurang yang sebelum ini melebar dan membuka ruang persepakatan sesama umat Islam ke arah melahirkan umat contoh dan terbaik serta menjunjung nilai-nilai terpuji saranan agama bagi merealisasikan pembentukan generasi Islam yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

# Pengukuhan Fahaman Akidah Ahl Al-Sunnah Wal Jama'ah Melalui Kolaborasi Pengajaran



Oleh:

**Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.



**Dr Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

Sebagaimana diketahui, ilmu akidah merupakan ilmu agama bersifat fardu ain yang wajib dipelajari oleh setiap mukallaf. Firman Allah Ta’ala dalam Surah al-Zumar : 9 bermaksud “*Katakanlah (Wahai Muhammad) tidaklah sama orang yang mengetahui dan orang yang tidak mengetahui*” manakala Hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi pula menyebutkan Rasulullah SAW bersabda dengan makna :“*Menuntut ilmu agama (yang daruri) adalah wajib ke atas setiap muslim*”. Demikianlah, difahami bahawa setiap umat Islam yang mukallaf wajib mempelajari dan berusaha menuntut ilmu agama termasuklah ilmu akidah berdasarkan pegangan ahl al-Sunnah Wal Jama’ah beraliran al-Asya’irah dan al-Maturidiyyah. Aliran ini merupakan kelompok majoriti yang berpegang teguh dengan manhaj Nabi Muhammad SAW dan para sahabat baginda sebagaimana disebut oleh Al-Hafiz Murtada al-Zabidi menerusi Syarh Ihya’ Ulum al-Din Terjemahan :

“*Sekiranya disebut Ahl Sunnah Wal Jama’ah, maka yang dimaksudkan dengan golongan tersebut adalah kelompok al-Asyairah dan al-Maturidiyyah*”.

Justeru itu, atas rasa tanggungjawab untuk membantu pengukuhan kefahaman Aqidah Ahl al-Sunnah Wal Jama’ah dalam kalangan pelajar UiTM, pensyarah kod ISC100 Aqidah Islamiyyah telah mengambil inisiatif mengadakan kolaborasi pengajaran pada 7 Jun 2024 (Jumaat) kepada seramai 98 orang pelajar semester 1 Diploma Pengurusan Halal (IC120) bertempat di Dewan Kuliah 200, Kampus Kuala Pilah. Kolaborasi pengajaran ini bertujuan mengadakan perkongsian ilmu kepada pelajar mengenai salah satu skop perbahasan ilmu akidah yang bertajuk “*Keimanan kepada Qada’ dan Qadar*” dan seterusnya menjelaskan kefahaman sebenar dari perspektif Ahl al-Sunnah Wal Jama’ah serta sebagai galakan kepada pelajar untuk melazimi majlis ilmu dan membudayakan program ilmu di alam universiti.

Program yang berlangsung selama 2 jam bermula dari jam 3-5 petang ini disampaikan oleh individu berkepakaran dalam bidang akidah iaitu Dr Mohd Asyran Kamaruzaman, Pensyarah Kanan ACIS, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Antara perkara yang dibahaskan berkenaan topik yang

dipilih adalah Hadith Jibril, hukum akal, *al-Qadr* : sifat Allah, makna *al-Qadha* dan *al-Qadr*, makna *al-Iradah*, *taqdir* tidak berubah dan memahami keadilan Allah Ta’ala. Hasil maklum balas yang diterima, didapati perbahasan kandungan topik ini telah difahami dengan baik oleh pelajar. Hal ini kerana, pelajar dapat melontarkan semula input yang telah dipelajari menerusi aktiviti dalam google form dan menjawab dengan baik semasa sesi soal jawab di dalam kelas.

Akhir kata, pihak penganjur program ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Prof Madya Ts Dr Noorlis Bin Ahmad dan Ketua Pusat Pengajian ACIS, Ustaz Nasif Sidquee Bin Pauzi yang menyokong pelaksanaan program kolaborasi pengajaran ini. Juga kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat menjayakan program ini. Moga program sebegini dapat diadakan lagi pada masa akan datang bagi mengukuhkan lagi fahaman akidah ahl al-Sunnah Wal Jama’ah dalam kalangan staf akademik ACIS dan pelajar di UiTM.



# Insflasi: Baik atau Buruk?

Oleh:

**Nur Syahirah Mohd Noh, Nuruul Hidayah Mansor, Muhammad Noor bin Husin, Athira Ayuni binti Asmadi**  
Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Sejak pandemik CoVid-19 melanda, isu inflasi telah menimbulkan kegusaran global. Hal ini disebabkan oleh peningkatan kadar inflasi yang sering berlaku setelah terjadinya kemerosotan ekonomi di peringkat dunia.

## DEFINISI INFLASI

Menurut *International Monetary Fund* (IMF), inflasi adalah peningkatan harga agregat dalam tempoh masa tertentu. Ia kebiasaannya merupakan ukuran kepada peningkatan harga barang dan perkhidmatan atau kos sara hidup dalam sebuah negara. Inflasi juga boleh dikira mengikut kelas barang yang khusus seperti makanan dan minuman bukan alkohol, kesihatan dan pengangkutan.

Kadar inflasi diukur berdasarkan indeks harga pengguna (IHP) yang mengira kos pembelian barang dan perkhidmatan mengikut 13 kumpulan utama berpandukan kepada *Classification Of Individual Consumption According To Purpose* (COICOP) terbitan United Nations. Setiap item dalam 13 kumpulan utama atau dikenali sebagai basket of goods mempunyai wajaran yang tersendiri. Item yang berwajaran tinggi berpotensi memberi kesan yang besar kepada pergerakan kadar inflasi.

Kumpulan Utama	Wajaran
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5
Minuman Alkohol & Tembakau	2.4
Pakaian & Kasut	3.2
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	23.8
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	4.1
Kesihatan	1.9
Pengangkutan	14.6
Komunikasi	4.8
Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan	4.8
Pendidikan	1.3
Restoran & Hotel	2.9
Pelbagai Barang & Perkhidmatan	6.7

*Basket of Goods*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## PUNCA INFLASI

Lazimnya inflasi berlaku disebabkan oleh penolakan kos (*cost-push*) atau penarikan permintaan (*demand-pull*).

Inflasi penolakan kos diertikan sebagai kenaikan kos pengeluaran sesuatu barang atau perkhidmatan serta boleh menyebabkan penurunan penawaran. Contohnya, di Jerman, kenaikan harga gas asli melonjak maksimum 35 peratus sejak tekanan geopolitik yang berlaku antara Rusia dan Ukraine. Hal ini demikian kerana Rusia telah membekukan projek pengaliran gas asli ke Jerman. Maka kos untuk mendapatkan gas asli telah meningkat secara tidak langsung memberi kesan domino kepada penawaran dan harga gas asli di Jerman.

Inflasi penarikan permintaan pula adalah kenaikan harga barang disebabkan oleh permintaan yang meningkat dengan mendadak. Contohnya, kenaikan harga barang dalam pasaran selepas kerajaan Malaysia membenarkan pengeluaran wang simpanan akaun 1 di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semasa kejatuhan ekonomi pada tahun 2021.

## CARA PENGIRAAN INFLASI DAN KADAR INFLASI IDEAL

Kadar inflasi bertujuan untuk mengukur peratusan perubahan dalam IHP yang dikira selama 12 bulan daripada sebelumnya. Formula yang digunakan adalah seperti berikut:

$$\text{Kadar Inflasi} = \left( \frac{\text{IHP tahun semasa} - \text{IHP tahun sebelum}}{\text{IHP tahun sebelum}} \right) \times 100$$

Kadar inflasi yang dianggap stabil dan ideal adalah 2 peratus. Maka, kadar inflasi melebihi 2 peratus dianggap tinggi manakala kadar inflasi kurang 2 peratus dianggap rendah. Walaupun begitu, apabila kadar inflasi menurun, ia tidak semestinya bermaksud negara mengalami deflasi (penurunan harga), tetapi ia boleh memberi petunjuk bahawa kenaikan harga barang dan perkhidmatan sedang bergerak secara perlahan. Negara mengalami deflasi apabila kadar inflasi menunjukkan peratusan negatif.

## HUBUNGAN ANTARA INFLASI DAN KADAR FAEDAH

Cendekiawan ekonomi menetapkan bahawa inflasi dan kadar faedah berhubungan secara positif, bermaksud apabila inflasi mengalami kenaikan yang signifikan, ia memberi petunjuk kepada bank pusat agar menaikkan kadar faedah. Di Malaysia, kadar faedah dikenali sebagai kadar polisi semalam atau *overnight policy rate* (OPR).

Hal ini kerana, peningkatan kadar inflasi membuktikan bahawa permintaan dalam pasaran telah meningkat.

Maka, antara langkah proaktif yang boleh diambil bagi mengekang ketidakstabilan dalam penawaran dan permintaan adalah menaikkan kadar faedah bagi tujuan mengurangkan kecairan dalam ekonomi untuk menurunkan permintaan.

Begitu juga sebaliknya apabila inflasi menunjukkan penurunan, ia memberi mesej bahawa ekonomi berkemungkinan sedang mengalami kejatuhan. Maka bank pusat akan menurunkan kadar faedah untuk menambah lebihan wang kepada masyarakat. Secara tidak langsung, masyarakat akan berbelanja dan merancakkan kembali ekonomi.

### **IMPAK INFLASI YANG TINGGI**

Inflasi dalam ekonomi adalah fenomena yang normal kerana kos dan permintaan yang semakin meningkat serta petunjuk kepada peningkatan kemampuan masyarakat dalam berbelanja. Namun, apabila kenaikan inflasi terlalu tinggi, ia akan memberi impak negatif kepada ekonomi.

Kenaikan harga perlulah seiring dengan kenaikan pendapatan isi rumah agar kuasa belian dalam ekonomi dapat dikekalkan. Seandainya kenaikan harga lebih laju daripada pendapatan, masyarakat akan menjadi lebih miskin daripada tahun sebelumnya. Kesan kenaikan harga akan memberi tekanan yang lebih kepada isi rumah berpendapatan rendah berbanding isi rumah berpendapatan tinggi.

Kos sara diri juga akan meningkat dengan signifikan sekiranya inflasi tidak dikawal, khususnya apabila berlaku kenaikan yang banyak dalam kelas *basket of goods* yang berwajaran tinggi seperti makanan dan minuman tanpa alkohol dan petrol.

Kenaikan kadar faedah juga dijangka berlaku apabila kadar inflasi meningkat. Hal ini menyebabkan kos pinjaman juga akan meningkat. Walaupun begitu, sekiranya bank pusat tidak bertindak sewajarnya, ia akan mendedahkan negara kepada risiko hiperinflasi seperti negara Venezuela dan Turkiye.

### **KESIMPULAN**

Secara umumnya, inflasi yang terkawal adalah bukti perkembangan ekonomi yang mampan. Bagi mengawal inflasi, kerajaan dan bank pusat perlu bijak dalam mengelola dan mengendalikan dasar fiskal dan monetari. Perubahan dalam dasar fiskal dan monetari perlulah dilakukan dengan cermat berpandukan data dan fakta dalam masa yang sesuai kerana ia akan memberikan impak yang signifikan kepada negara.

# Bersyukur atas Kurniaan Nikmat Allah SWT di Dunia ini



Oleh:

**Dr. Husnul Rita binti Aris**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Isu tidak bersyukur dengan nikmat Allah merupakan satu masalah yang semakin ketara dalam kalangan masyarakat moden hari ini. Kehidupan yang semakin pantas, tekanan sosial dan pengaruh teknologi membawa kepada peningkatan rasa tidak puas hati serta kurang penghargaan terhadap nikmat yang telah dianugerahkan. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini, antaranya;

Pengaruh materialisme; ramai individu cenderung menilai kejayaan dan kebahagiaan berdasarkan kekayaan dan kemewahan material. Gaya hidup yang mewah dan perbandingan sosial melalui media sosial membawa kepada sikap tidak puas hati dan tamak. Menurut kajian oleh Ahmad (2019), apabila seseorang membandingkan kehidupannya dengan orang lain yang lebih kaya atau berjaya, mereka cenderung untuk tidak bersyukur dengan apa yang mereka miliki, walaupun mereka sudah mempunyai kehidupan yang selesa.

Selain itu, perkembangan teknologi, khususnya media sosial, memainkan peranan besar dalam menyumbang kepada masalah ini. Kajian oleh Salleh & Hamid (2020) menunjukkan bahawa platform seperti Instagram dan Facebook sering memperlihatkan gaya hidup yang glamor dan berjaya, menyebabkan ramai orang merasa bahawa hidup mereka kurang bernilai jika dibandingkan. Ini membawa kepada perasaan iri hati, kurang puas hati, dan akhirnya hilang rasa syukur terhadap nikmat yang ada.

Tambahan kehidupan moden yang sibuk menyebabkan manusia jarang meluangkan masa untuk merenung dan bersyukur. Kesibukan mengejar materialisme, kejayaan, dan kemajuan diri menyebabkan ramai terlupa untuk menghargai nikmat-nikmat yang sudah mereka miliki seperti kesihatan, keamanan, keluarga dan ilmu. Menurut Nasir (2018), Islam menekankan bahawa setiap individu perlu sentiasa mengingati Allah dan bersyukur atas setiap nikmat yang diberikan sama ada kecil atau besar.

Di samping itu, kurangnya pendidikan dan kesedaran tentang konsep syukur dalam masyarakat juga menjadi faktor utama mengapa ramai yang gagal untuk menghargai nikmat yang ada. Menurut kajian oleh Zulkifli (2017), pendidikan agama yang seimbang dan berkesan amat penting untuk membentuk jiwa yang bersyukur. Apabila seseorang memahami bahawa segala nikmat adalah kurniaan Allah dan bukan semata-mata hasil usaha sendiri, mereka akan lebih menghargai apa yang mereka miliki. Oleh itu, perlunya memahami konsep syukur dengan lebih

mendalam agar kita tergolong dalam golongan hambaNya yang sentiasa mengingati Allah dan berterima kasih atas kurnianya.

Bersyukur dalam konteks Islam adalah pengakuan, penghargaan dan penghormatan terhadap nikmat dan rahmat yang diberikan oleh Allah SWT, sama ada dalam bentuk kebaikan, rezeki, kesihatan, keamanan mahupun ujian dan cabaran. Menurut Imam Al-Ghazali (t.t.) dalam *Ihya' Ulum al-Din* (Kitab Kesukuran), ia melibatkan tiga aspek utama:

**Syukur dengan Hati (Syukru al-Qalb):** Mengakui dalam hati bahawa segala nikmat yang diperoleh adalah daripada Allah. Ini termasuk keyakinan bahawa segala sesuatu yang baik atau buruk yang berlaku adalah ketentuan Allah dan mempunyai hikmah yang tersendiri.

**Syukur dengan Lisan (Syukru al-Lisan):** Mengungkapkan rasa syukur melalui ucapan seperti "Alhamdulillah" dan memuji Allah SWT. Ini juga merangkumi menyebarkan kebaikan dan menyebut kebaikan yang dilakukan oleh orang lain sebagai tanda penghargaan.

**Syukur dengan Perbuatan (Syukru al-Amal):** Menggunakan nikmat yang diberikan untuk kebaikan dan mentaati perintah Allah. Contohnya, menggunakan kesihatan untuk beribadah, rezeki untuk bersedekah atau ilmu untuk mengajar orang lain. Ini juga bermakna menghindari penggunaan nikmat dalam perkara yang dilarang oleh Allah. Seperti firman Allah SWT bermaksud:

*"Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras."*

(Surah Ibrahim, ayat: 7).

Manakala dalam hadith Rasulullah SAW bermaksud:

*"Barangsiapa yang tidak bersyukur atas yang sedikit, maka dia tidak akan bersyukur atas yang banyak."*

(Hadir Riwayat Ahmad, No. 17708).

Imam Al-Ghazali (t.t.) dalam *Ihya' Ulum al-Din* menyatakan bahawa kesukuran melibatkan hati, lisan dan perbuatan sebagai bentuk pengiktirafan terhadap nikmat Allah. Al-Ghazali menekankan bahawa syukur yang sebenar ialah mengiktiraf semua nikmat adalah dari Allah dan menggunakan untuk kebaikan.

**Kesimpulannya**, bersyukur adalah tindakan yang menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan terhadap nikmat Allah dengan hati, lisan dan perbuatan. Ia bukan sekadar ucapan tetapi merupakan manifestasi keimanan dan ketaatan kepada Allah SWT dalam kehidupan sehari-hari. Bersyukur membantu membina sikap positif, ketenangan jiwa dan menggalakkan penerimaan terhadap ketentuan Allah sebagai yang terbaik untuk setiap individu.

# Pelajar Tahfiz: Isu dan Cadangan



Oleh:

**Hisam bin Satari**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Pendidikan al-Quran telah wujud sejak berabad lamanya bermula ketika Nabi Muhammad s.a.w sedang beribadat di Gua Hira' (Kamarul Azmi & Aderi 2015). Peristiwa pengumpulan al-Quran sejak dari zaman Khalifah Islam yang pertama dan ketiga juga menggambarkan kepedulian pemimpin kepada kemuliaan al-Quran yang wajib dijaga dalam hati-hati umat Islam sepanjang zaman sehingga hari kiamat. Kewujudan pusat-pusat tahfiz di seluruh pelusuk dunia juga menggambarkan satu langkah untuk memastikan supaya kitab suci al-Quran sentiasa hidup dan dijadikan sebagai pedoman kehidupan.

Walaupun terdapat isu kelemahan pendidikan tahfiz ini, kecenderungan ibu bapa menghantar anak mereka ke pusat-pusat pendidikan tahfiz semakin bertambah kerana melihat kepada kelebihan yang akan dinikmati dari segi ganjaran dan kelebihan di sisi Allah Taala.

## KELEBIHAN MENGHAFAZ AL-QURAN

Mukjizat yang teragung yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w adalah al-Quran di mana di dalamnya terdiri daripada 114 surah dan 30 juzuk adalah satu-satunya kitab yang boleh dihafaz secara keseluruhannya. Ini merupakan satu kelebihan yang telah diberi oleh Allah kepada umat Nabi Muhammad s.a.w dan menyifatkan penghafaz al-Quran sebagai rahmat dan hamba-hamba pilihanNya. Firman Allah s.w.t.:

*Muhammad) ialah yang benar (segala- galanya) yang tetap mengesahkan Kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan sedalam-dalamnya akan keadaan sekalian hamba-Nya, lagi Maha melihat dan memerhatikan. Kemudian Kami jadikan al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengendahkan ajaran al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata)".*

Mereka yang menghafaz al-Quran akan dikurniakan dengan pelbagai kelebihan bukan sahaja ganjaran di dunia malah juga di akhirat. Menurut Ismail Masyhuri al-Hafiz (1993:87-90), di antara kelebihan yang diperoleh oleh penghafaz al-Quran adalah perlindungan dari Allah s.w.t., menjadi umat Nabi Muhammad yang mulia, tidak merasa takut pada hari kiamat. Selain dari itu, golongan ini juga

adalah pihak yang paling layak diangkat sebagai pemimpin seperti disebut dalam hadis yang bermaksud: "Yang menjadi imam suatu kaum adalah yang paling banyak hafalannya." (Riwayat Muslim) Selain mendapat ganjaran dan kelebihan buat diri sendiri, ibu bapa kepada penghafaz al-Quran juga akan mendapat kemuliaan di sisi Allah s.w.t. Hadis nabi yang lain ada menyebut yang bermaksud : "Sesiapa membaca al-Quran dan beramal dengan apa yang terkandung di dalamnya maka kedua ibu bapanya akan dipakaikan mahkota pada hari kiamat yang sinaran mahkota itu akan melebihi daripada cahaya matahari, sungguhpun matahari itu berada di dalam rumah-rumah kamu di dunia ini". (Riwayat Imam Ahmad , Abu Daud)

## ISU PENDIDIKAN TAHFIZ

Antara isu yang dikenal pasti dibangkitkan dalam pendidikan tahfiz yang pertama ialah **pengurusan pendidikan tahfiz yang lemah**. menurut Alimuddin (2006) kecemerlangan sesebuah sekolah bermula dari peranan pentadbir. Menurut Zainal (1987), sebagai seorang pentadbir, pengetua perlu membawa pegawai-pegawai di bawahnya dan keperluan organisasi ke dalam bentuk kesepaduan bagi mencapai operasi yang berkesan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ketua dalam sesebuah organisasi terutamanya institusi tahfiz ini perlu lebih kreatif, bijak merangka strategi dan yang lebih penting mereka ialah ahli dalam bidang tahfiz ini.

Isu yang kedua pula ialah, **kaedah dan teknik pengajaran tahfiz**. Menurut Azmil (2010), kebanyakan institusi tahfiz yang wujud masih lagi bergerak dalam haluan mereka sendiri tanpa modul pengajaran yang standard diguna pakai. Akibatnya, tenaga pengajar bebas menggunakan kaedah dan teknik daripada pengalaman peribadi dan latar belakang individu tersebut. Kajian Mardhiah (2017), hampir separuh pelajar MRSM Ulul Albab tidak dapat menghabiskan hafalan mereka sehingga tamat pengajian 5 tahun seperti mana yang telah di pengajian tersebut. Begitu juga dengan kajian Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) menyatakan bahawa pelajar tidak dapat menamatkan hafalan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam masa 6 semester.

Manakala isu yang ketiga ialah berkaitan dengan **ciri-ciri guru yang mengajar subjek hafazan**. Ab Halim (2018) dalam Wacana Cendekia Institusi Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di UKM pada 8 Januari 2018 menyebut bahawa Institut Latihan Guru Tahfiz perlu ditubuhkan bagi menyelaraskan kurikulum dan kaedah pengajaran standard di sekolah tahfiz. Mardhiah (2017) menyatakan bahawa 40% guru yang bukan dalam bidang tahfiz bertugas sebagai guru hafazan di MRSM Ulul Albab (Gemencheh, Kota Putra dan Kepala Batas). Manakala yang ada latihan dalam bidang

tahfiz hanya 20 daripada 62 orang guru di MRSM Ulul Albab. Isu yang keempat ialah **kONSEP KESEPADUAN DISIFATKAN MASIH LEMAH KERANA KETIADAAN MODEL YANG JELAS DAN KETIADAAN GURU YANG BERWIBAWA**. Hisham (2014) menyatakan bahawa komponen agama dan ilmu waqie secara serentak dalam satu sesi pembelajaran beserta dengan subjek hafazan yang ada, mengakibatkan waktu pembelajaran terlampaui padat. Mardhiah (2017) menyatakan bahawa, punca pelajar tidak dapat menghabiskan muqarrar al-Quran kerana masa yang terlalu padat dan kegagalan pelajar mengatur masa dengan baik. Lebih merugikan lagi apabila waktu kelas tasmik dipindahkan kepada subjek akademik untuk memberi laluan pelajar memberi tumpuan kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

## CADANGAN

### Wujud Pusat Latihan Guru Untuk Melatih Guru-Guru Tahfiz.

Ahmad Bahá' Mokhtar (2018) menyatakan banyak pusat latihan telah berjaya melahirkan guru-guru terlatih dalam pelbagai bidang tetapi sebaliknya dalam bidang tahfiz al-Quran, latihan terhadap guru tahfiz al-Quran didapati kurang diberi perhatian. Setakat maklumat yang ada, belum ada universiti atau institusi yang menawarkan program perguruan tahfiz al-Quran. Sedangkan subjek-subjek lain dibekalkan latihan yang cukup kepada guru, sehingga dipelajari dari peringkat diploma hingga ijazah. **Wujudkan Pakar Rujuk Untuk Pedagogi Tahfiz.**

Abd Rahman (2018) menyatakan bahawa di negara ini telah lahir ramai pakar dalam bidang pedagogi. Tetapi jarang sekali kedengaran pakar pedagogi tahfiz al-Quran. Sekiranya guru-guru bidang lain mendapat latihan yang cukup dari segi pedagogi hingga berjaya menjadi pakar dalam bidang pedagogi sesuatu subjek, begitu juga guru al-Quran perlu dibekalkan latihan yang sama atau lebih kerana pedagogi tahfiz al-Quran agak berbeza dengan subjek-subjek lain.

### Menambah Bekalan Guru Bidang Tahfiz Yang Tidak Mencukupi.

Fazatul (2018) menjelaskan bahawa Darul Quran JAKIM telah melahirkan kira-kira 5,000 graduan program pengajian tahfiz al-Quran. Ini hanya bilangan lepasan Darul al-Quran. Masih banyak lagi graduan tahfiz daripada institusi yang lain. Namun begitu, masih terdapat pusat-pusat tahfiz yang masih mencari guru-guru tahfiz. Keperluan ini semakin meningkat sebagaimana dinyatakan di dalam keratan akhbar yang bertajuk "Pendidikan Tahfiz Semakin Diminati". Ia menyatakan bahawa Darul Quran telah menerima permohonan sekurang-kurangnya 3,000 orang saban tahun, tetapi hanya seramai 250 orang sahaja daripada mereka yang diterima untuk belajar di institusi tersebut. Bilangan ini hanya untuk Darul al-Quran. Dengan memerhatikan permohonan yang diterima oleh Darul Quran JAKIM sahaja, dapat disimpulkan bahawa minat masyarakat terhadap tahfiz al-Quran semakin berkembang. **Bekerjasama dengan TVET.** Mewujudkan kerjasama antara bahagian pendidikan dengan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada lepasan tahfiz sebagai proses pendidikan dan latihan yang menjurus ke arah pekerjaan dan menekankan amalan industri dalam pelbagai bidang berkaitan. TVET menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat yang meliputi peringkat sekolah menengah, lepasan sekolah sehingga ke tenaga kerja di industri melalui latihan berasaskan pekerjaan serta latihan berterusan dan pembangunan professional. Kerana antara isu yang sering dinyatakan ialah peluang pekerjaan dan kerjaya pelajar tahfiz.

**SPM dan Tahfiz.** Sijil Pelajaran Malaysia merupakan sijil yang 'wajib' dimiliki oleh setiap pelajar di Malaysia. Ada sebilangan pusat tahfiz yang tidak menawarkan SPM ini dengan alasan untuk menumpukan perhatian kepada penghafalan al-Quran. Sudah sampai masanya kepada pihak yang membentarkan sesuatu Pusat Tahfiz beroperasi mewujudkan kaedah Integrasi Pendidikan dengan menggabungkan dua elemen ini khusus kepada pusat tahfiz yang tidak menawarkan SPM.

## RUMUSAN

Pendidikan al-Quran tidak boleh dipisahkan dari kehidupan umat Islam. Dalam usaha untuk mengekalkan kemuliaan al-Quran kepada generasi akan datang, keupayaan dan matlamat yang ingin dicapai disesuaikan dengan kehendak zaman. Al-Quran ialah simbol kejayaan dunia dan akhirat, seharusnya urusan dunia dan akhirat disepadukan agar bimbingan dalam al-Quran menjadikan umat Islam mampu mendepani cabaran dan menjadi rujukan umat yang lain.

## RUJUKAN

- Kamarul Azmi, Mohd Aderi Che Noh. 2013. Bengkel Penghayatan dan Pengamatan (PdP) di SRA JAWI. Dlm Mardhiah Binti Yahaya, Zetty Nurzuliana Binti Rasheed, Aslam Farah Binti Selamat.2018. Isu Dalam Pendidikan Tahfiz : Satu Analisis. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Haji Alimuddin. 2006. Profil Tumpuan Guru Sekolah Menengah Di Negeri Selangor Terhadap pelaksanaan Perubahan Kurikulum. Jurnal Pendidikan 27 (1), 165-178.dlm Mardhiah Binti Yahaya, Zetty Nurzuliana Binti Rasheed, Aslam Farah Binti Selamat.2018. Isu Dalam Pendidikan Tahfiz : Satu Analisis. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Azmil Hashim .2010. Penilaian perlaksanaan kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Universiti Kebangsaan Malaysia,Bangi, Selangor dlm Mardhiah Binti Yahaya, Zetty Nurzuliana Binti Rasheed, Aslam Farah Binti Selamat.2018. Isu Dalam Pendidikan Tahfiz : Satu Analisis. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Mardhiah Yahaya .2017. Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA. (Tesis Sarjana) Universiti Pendidikan Sultan Idris.dlm Mardhiah Binti Yahaya, Zetty Nurzuliana Binti Rasheed, Aslam Farah Binti Selamat.2018. Isu Dalam Pendidikan Tahfiz : Satu Analisis. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Noor Hisham Md Nawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob, Nasrul Hakim Salleh. (2014). Matlamat dan Halatuju Sistem Pengjian Tahfiz di Kelantan; Satu Pengamatan wal. 4th International Conference and Exhibition On Islamic Education 2014. Dlm Mardhiah Binti Yahaya, Zetty Nurzuliana Binti Rasheed, Aslam Farah Binti Selamat.2018. Isu Dalam Pendidikan Tahfiz : Satu Analisis. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Ahmad Bahá'Mukhtar,Dewierika Samidi,Prof. Madya Dr Abd Rahman Abd Ghani.2019. Perguruan Tahfiz al-Quran: Masalah dan Penyelesaian. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)

# Pembentukan Fitrah Anak-anak Menjadi Manusia sebagai Khalifah Bermula dengan Iman

Oleh:

**Amirah Hassan @ Asan**

Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

**Suhaila Sharil**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

**Nur Faathinah Mohammad Roshdan**

Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Memegang peranan sebagai ibu bapa dalam era teknologi Revolusi Industri 5.0 merupakan suatu tanggungjawab besar dalam memikul amanah mendidik anak-anak menjadi individu yang mengikut garis panduan yang ditetapkan agama Islam. Sejajar dengan itu, terdapat tujuh tanggungjawab besar para ibu bapa bagi mencapai matlamat tersebut iaitu daripada aspek tanggungjawab pendidikan iman, akhlak, fizikal, intelektual, psikologi, sosial dan seksual.

Maka menurut hadith riwayat Bukhari dan Muslim mengatakan setiap anak dilahirkan di atas fitrah, maka ibu bapanya yang menjadikan agamanya Yahudi, Nasrani atau Majusi. Selain itu ia juga selari dengan konsep menjadi khalifah di dunia yang mempunyai asas bersifat antropologi akidah dan merupakan keupayaan moral serta suatu tuntutan ataupun iktikad kehidupan.

Bagaimanapun timbul persoalan adakah fitrah itu terjadi dan berkembang dengan sendirinya sedangkan anak-anak ini dilahirkan dengan potensi dan kebolehan masing-masing yang sudah ditetapkan oleh Allah S.W.T.? Di sini bermulanya peranan ibu bapa sebagai pembimbing dalam memberikan petunjuk kehidupan yang sejajar dengan agama Islam.

## **Iman sebagai benteng pertahanan akhlak**

Oleh yang demikian, kita merujuk kembali kepada konsep mendidik yang akhirnya akan membantu proses perkembangan fitrah itu ke arah yang lebih baik. Antara panduan yang boleh digunakan dalam membentuk fitrah yang baik ini menerusi pengukuhan iman iaitu dengan menerapkan kehidupan anak-anak dengan kalimah tauhid iaitu La Ilaha Illa-Allah bertepatan dengan hadith riwayat al-Hakim dari Ibnu Abbas yang meriwayatkan:- *untuk anak-anak kalian pertama kalinya dengan kalimat La ilaha illa-Allah (tiada tuhan yang disembah selain Allah).*

Definisi iman dari sudut bahasa ialah percaya atau membenarkan. Iman menurut Imam al-Ghazali adalah pengakuan dengan lidah (lisan), membenarkan pengakuan dengan hati dan mengamalkan dengan rukun-rukun (anggota-anggota). Orang yang beriman adalah orang yang percaya, mengaku dan beramal. Ketiadaan salah satu komponen ini menunjukkan iman seseorang individu itu belum sempurna.

Maka, iman adalah salah satu benteng pertahanan yang perlu diterapkan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak yang kini hidup dalam zaman yang serba mencabar daripada pelbagai aspek kehidupan. Ini terbukti dengan pelbagai kes jenayah berat dan isu-isu sosial yang saban hari menghiasi dada-dada akhbar dan semakin membimbangkan serta mendatangkan kesan negatif kepada segenap lapisan masyarakat secara umumnya.

## **Anak-Anak Sebagai Khalifah**

Sejajar dengan pengukuhan iman dalam diri setiap anak-anak sejak kecil bertepatan dengan konsep dalam Islam iaitu manusia sebagai khalifah atau pemimpin yang bertanggungjawab di atas muka bumi. Anak-anak ini perlu diterapkan dengan nilai-nilai moral dan etika Islam seperti mengajarkan kasih sayang, kejujuran, kesederhanaan dan keadilan dapat membentuk karakter yang disarankan oleh Islam. Nilai-nilai ini bukan sahaja menghasilkan manusia yang bermoral malah khalifah yang bertanggungjawab.

Oleh yang demikian ibu bapa memainkan peranan utama dalam membimbing anak supaya beriman kepada Allah, kekuasaan-Nya dan keindahan ciptaan-Nya. Apabila anak-anak dididik dengan baik perihal isu keimanan sejak kecil, akalnya akan dipasak dengan dalil-dalil tauhid dengan kukuh dan ini akan menguatkan hatinya dan menghindarkannya daripada anasir-anasir yang boleh merosakkan akidah.

Selain itu, apabila anak-anak ini sudah pun mempunyai asas iman yang kukuh, tiada seorang insan yang mampu untuk menggoyahkan jiwa anak-anak ini dalam melakukan kemungkaran kerana keyakinannya kepada Allah S.W.T sudah tersemat teguh dalam hati. Ini sekaligus bakal melahirkan generasi khalifah yang bukan sahaja teguh kepada agamanya malah berakhlik mulia serta mempunyai pakej lengkap sebagai manusia yang bertanggungjawab terhadap dunia yang mereka diami.

Maka, iman itu semestinya tidak dapat diwarisi daripada seorang ayah yang bertakwa, namun figura bapa itu mampu untuk membentuk dan menerapkan iman anak-anaknya melalui didikan yang baik bermula daripada rumah.

# Penerima Anugerah Apresiasi Rektor 2024 bagi Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

**ANUGERAH SANJUNGAN  
PENULISAN & PENERBITAN  
BERINDEKS MYCITE**  
(SAINS SOSIAL)

Dr. Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman

**ANUGERAH SANJUNGAN  
PENULISAN & PENERBITAN  
PROCEEDING BERINDEKS**  
(SAINS SOSIAL)

Dr. Mohamad Hasif Jaafar

**ANUGERAH SANJUNGAN  
PENULISAN &  
PENERBITAN BUKU**  
(SAINS SOSIAL)

Dr. Muhammad Firdaus Abdul Manaf

# Penerima Anugerah Apresiasi Rektor



# Delegasi Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Indonesia mengunjungi UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Suatu pertemuan antara dua negara telah terjalin pada 16 Oktober 2024. Pertemuan ini mencerminkan semangat kerjasama akademik antara dua institusi yang mempunyai wawasan dan nilai bersama dalam pendidikan Islam. Kunjungan dari delegasi Universitas Islam Negeri (UIN) Sumatera Utara, Medan, menandakan langkah penting dalam memperkuuh jaringan ilmu pengetahuan dan silaturahim serantau.

Kehadiran tokoh-tokoh akademik seperti YBhg. Prof. Dr. Mustapa Khamal Rokan, YBhg. Dr. Chuzaimah, MA, YBhg. Dr. Nurbaiti, MA, dan YBhg. Waizul Qarni, MA, memperlihatkan komitmen UIN untuk menjalin hubungan strategik bersama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Dengan adanya hubungan sebegini, potensi kerjasama dalam penyelidikan dan pertukaran pelajar, serta pembangunan program akademik bersama dapat direalisasikan.

Memetik Surah Al-Hujurat, ayat 13, pertemuan ini jelas mencerminkan tuntutan Islam agar masyarakat berusaha untuk mengenali dan bekerjasama demi mencapai manfaat bersama. Dalam konteks akademik, kerjasama ini diharapkan mampu membuka ruang kepada pertukaran idea dan kepakaran, selain memperkuuh ukhuwah yang mendalam antara kedua-dua pihak.

Mudah-mudahan, pertemuan ini bukan sahaja membawa keberkatan, malah menjadi pemangkin kepada kemajuan ilmu pengetahuan dan pembangunan ummah secara menyeluruh.



